

LEPAS AYAM, IKAN PULA

5/4 25/5/2022
ms: 1



- Ketika krisis bekalan ayam yang belum menunjukkan tanda-tanda akan pulih, pengguna terpaksa berhadapan pula dengan isu harga ikan apabila mencatatkan kenaikan antara RM1 hingga RM6 (mengikut jenis ikan) bagi setiap kilogram.
- Tinjauan yang dilakukan di Selangor, Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor pada Selasa mendapati, rata-rata peniaga mengakui terpaksa menaikkan harga jualan bagi mengelakkan kerugian kerana harga yang diperolehi daripada pemborong sudah mengalami kenaikan.
- Kenaikan harga ikan turut didorong oleh permintaan yang mendadak disebabkan pengguna beralih daripada daging ayam kepada ikan serta masalah bekalan yang berkurangan sehingga 50 peratus, peningkatan kos pengangkutan dan keadaan cuaca yang tidak menentu.
- Orang ramai yang ditemui pula mengakui terkesan dengan kenaikan tersebut dan mengharapkan kerajaan mengambil tindakan segera kerana pengguna sebelum ini sudah terkesan dengan kenaikan barang-barang makanan lain di pasaran.